

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [KLUANG]

TARIKH : 03 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 154

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah kos ditanggung oleh Kementerian untuk membayar kegunaan elektrik di semua sekolah Kerajaan dan sekolah bantuan Kerajaan setiap tahun dan kadar jimat jikalau sekolah-sekolah tersebut memasang sistem solar.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bil elektrik merupakan antara kos operasi sekolah yang penting telah diperuntukan setiap bulan bagi memastikan setiap sekolah di Malaysia mencapai tahap keperluan infrastruktur yang minimum serta mewujudkan persekitaran pembelajaran yang selamat, bersih, dan kondusif.

Berhubung dengan kadar jimat penggunaan elektrik di sekolah, data Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan kajian yang dilaksanakan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) terhadap tujuh (7) buah sekolah kerajaan bertarif B (komersil) di sekitar Putrajaya, didapati secara purata sejumlah RM12,000 – RM17,000 peruntukan diperlukan sebulan bagi pembayaran bil elektrik. Justeru itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang bekerjasama dengan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) di bawah Program Pemasangan Panel Solar bagi mempergiatkan pelaksanaan inisiatif kecekapan tenaga dan tenaga boleh baharu (*renewable energy*) di sekolah-sekolah Kerajaan. Melalui program ini dijangkakan penjimatan sebanyak 15 - 20 peratus terhadap kos bayaran bil elektrik sebulan bagi setiap sekolah bergantung kepada saiz dan keluasan panel solar yang dipasang.

Sekian, terima kasih.

RJM 40